

# Buat petak, cegah kecurian motosikal

■ SHEMA ABAS

**TAMAN BUKIT ANGKASA** - Persatuan Penduduk Taman Bukit Angkasa Blok P20 bersama lebih 50 penduduk bekerjasama menjayakan program gotong-royong membuat petak untuk parkir motosikal.

Penyelia Keselamatan Blok P20, Abd Hamid Abd Rahman berkata, berikutan kejadian kecurian motosikal yang membimbangkan ditambah dengan kenderaan diletakkan tidak teratur, pihak persatuan penduduk berinisiatif membuat petak di kawasan ditetapkan.

"Kita simen kawasan longkang dan membuat petak parkir dengan cat berwarna kuning bagi kegunaan penduduk di sini. Sebelum ini, motosikal di kawasan ini diletakkan merata-rata tempat sehingga mendatangkan kesesakan di sekitar kawasan ini.

"Dengan adanya petak parkir ini, kita berharap motosikal

## fakta angka

Gotong-royong mengecat petak parkir dianggarkan berjaya mewujudkan kira-kira

**200** petak sekitar kawasan pangsapuri

**9** tingkat itu.

dapat diletakkan secara teratur dan kita boleh memantau keselamatan di sini," katanya kepada **Sinar Harian**.

Gotong-royong mengecat petak parkir dianggarkan berjaya mewujudkan kira-kira 200 petak sekitar kawasan pangsapuri sembilan tingkat itu.

Abd Hamid berkata, pihak persatuan akan membuat pelekat motosikal untuk mengelakkan penduduk dari blok



Sebahagian penduduk mengecat petak parkir untuk motosikal bagi kegunaan penduduk.

lain mengambil kesempatan meletakkan kenderaan mereka di kawasan itu.

"Kita ada pelekat untuk kenderaan lain dan setelah petak parkir ini dibuat, kita akan

sediakan untuk motosikal. Penduduk pula akan bergilirgilir memantau keselamatan di kawasan ini," katanya.

Menurut beliau, pemantauan keselamatan oleh penduduk

dilakukan secara sukarela.

Katanya, selain memastikan keselamatan dan kesesakan dapat dikurangkan, kewujudan petak parkir itu juga diharapkan dapat memberi keselesaan ke-

pada penduduk.

"Sebelum ini, ada motosikal yang diletakkan di belakang kereta dan ia menyebabkan kesesakan dan ketidakselesaan dalam kalangan penduduk, terutamanya pada waktu pagi dan malam.

"Selepas ini, kita berharap kereta dan motosikal dapat diletakkan di tempat sepatutnya," katanya.

Selain mengecat parkir untuk motosikal, program gotong-royong membersihkan kawasan pangsapuri turut diadakan.

"Bagi golongan ibu, mereka turut menjayakan gotong-royong ini dengan membersihkan sampah di setiap tingkat blok.

"Usaha sebegini akan dijalankan secara berterusan kerana selain mengeratkan silaturahim antara penduduk, ia juga dapat mewujudkan persekitaran bersih dan selesa," katanya.